

SULIT

NAMA: ()

KELAS: 5



**SMJK JIT SIN
(SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN)
BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 5**

1225/1

Kertas 1

November 2021.

2 ½ jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nama dan kelas anda pada ruang yang disediakan.*
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A , B dan C.
3. Jawab **Semua Soalan** dalam **Bahagian A**
4. Pilih dan *Jawab Satu Soalan* Dalam **Bahagian B**
5. Jawab **Semua Soalan** dalam **Bahagian C**.
6. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
B	6	
	7	
C	8	
	9	
Jumlah		

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Bahagian A – Soalan Struktur (50 Markah)

Jawab SEMUA Soalan

1. Telitikan gambar di bawah.

SULIT



Gambar menunjukkan satu amalan norma masyarakat global. Transaksi pembayaran tanpa tunai semakin popular dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat global. Kaedah pembayaran ini memberi faedah yang berlipat ganda kepada premis perniagaan dan para pelanggan.

a) Terangkan dua kebaikan masyarakat global mengamalkan norma masyarakat dalam urusan pembayaran seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas? (4 markah)

i. _____

ii. _____

b) Ramalkan kesan sekiranya amalan di atas disalahgunakan oleh masyarakat global. (3 markah)

i. _____

ii. _____

2

iii. _____

c) Jelaskan perasaan anda sekiranya masyarakat global mengamalkan amalan tersebut dalam kehidupan harian. (3 markah)

SULIT

2. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi pertelingkahan pendapat yang berlaku dalam kalangan ahli Persatuan Sains dan Matematik.

Guru penasihat Persatuan Sains dan Matematik telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan aktiviti -aktiviti yang hendak dijalankan sempena Minggu Sains dan Matematik di sekolah. Semasa mesyuarat tersebut dijalankan, dua orang ahli, iaitu Ali dan Ahmad telah bergaduh kerana Ali telah mengkritik pendapat Ahmad dan tidak memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan pendapat yang diberikan. Hal ini menyebabkan Ahmad berasa marah.

a. Berikan tiga tingkah laku berkeperibadian mulia yang sepatutnya ditunjukkan oleh Ali dan Ahmad. (3 markah)

i. _____

ii. _____

3

iii. _____

b. Jelaskan manfaat yang diperoleh seseorang yang mengamalkan keperibadian mulia dalam perbincangan. (3 markah)

SULIT

c. Sebagai pengerusi Persatuan Sains dan Matematik, bagaimanakah anda menyelesaikan konflik yang berlaku antara Ali dengan Ahmad?

(4 markah)

4

3. Telitikan keratan akhbar di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.



a. Apakah punca perbuatan seperti di atas?

(4 markah)

i. _____

ii. _____

b. Huraikan dua kesan sekiranya wanita terbabit dibebaskan atas prinsip keprihatinan.

4

[Lihat halaman sebelah

SULIT

i. _____

ii. _____

5

c. Berikan dua usaha yang perlu dijalankan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah keldai dadah dalam kalangan rakyat. (2 markah)

i. _____

ii. _____

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan NGO dalam menjalankan aktiviti khidmat masyarakat terhadap mangsa banjir.

Luluh hati lihat nasib mangsa banjir	
	<p>Mengerah keringat bersama kumpulan sukarelawan di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Ikhlas.com, Fizz yang berasal dari Raub, melihat sendiri kepayahan penduduk kampung berdepan bencana banjir yang memusnahkan harta benda, tanaman dan haiwan peliharaan.</p>
<p>Bersama Ikhlas.com, Fizz sudah lebih empat kali menyertai misi kemanusiaan dan bantuan kepada mangsa bencana banjir. Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh melayari www.ikhlas.com</p>	

a. Selain melibatkan diri dalam program dan menghulurkan sumbangan, apakah tindakan lain yang boleh anda lakukan bagi menjayakan seruan kutipan derma NGO di atas? (3 markah)

SULIT

6

b. Terangkan manfaat program yang dianjurkan oleh NGO di atas terhadap mangsa bencana banjir. (3 markah)

i. _____

ii. _____

iii. _____

c. Anda bersetuju penglibatan diri dalam program komuniti sangat penting untuk membantu negara mengatasi pelbagai bencana yang melanda negara. Justifikasikan jawapan anda. (4 markah)

7

5. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan beberapa orang individu.

Bo Xuan : Membeli sepasang kasut baharu semasa jualan murah kerana
--

6

SULIT

	kasut sedia ada sudah tidak mengikut gaya semasa.
Naresh	: Membuat penolakan gaji untuk insurans nyawa, tetapi ingin menambah untuk unit amanah. Namun, bimbang perbelanjaan bulanan meningkat.
Daniel	: Membeli 2 tin biskut kerana inginkan bekas pensel edisi terhad yang diberikan secara percuma. Dia sememangnya memerlukan bekas pensel.

a. Berdasarkan perbelanjaan beberapa individu di atas, bagaimanakah Bo Xuan dapat mengawal perbelanjaan kehendak? Jelaskan. (3 markah)

b. Berdasarkan perbelanjaan di atas, adakah anda bersetuju dengan cara perbelanjaan Daniel? Berikan alasan. (4 markah)


c. Mengapakah setiap perbelanjaan memerlukan perancangan? (3 markah)

8

Bahagian B – Soalan Esei (10 Markah)

Jawab SATU Soalan

6. Poster di bawah berkaitan dengan isu penderaan kanak-kanak di negara Malaysia.



Terangkan kesan sekiranya setiap individu mengabaikan sikap kemanusiaan seperti isu di atas dalam kehidupan harian. (10 markah)

7. Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara.



Kedaulatan negara diperoleh daripada hasil perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu. Generasi kini haruslah memahami kepentingan mempertahankan

SULIT

kedaulatan negara yang dinikmati.

Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa merdeka, huraikan tindakan yang patut diambil bagi menangani isu-isu yang menggugat kedaulatan negara.

(10 markah)

10

Bahagian C - Esei (40 Markah)

Jawab SEMUA Soalan


- 8. Situasi berikut berkaitan dengan seorang pelanggan yang berurusan di sebuah kaunter perkhidmatan.

Primala telah berurusan di sebuah kaunter perkhidmatan di ibu negara. Setelah mendapat nombor giliran selang 5 minit, dia telah berjaya membuat urusan dengan lancar dan mendapat layanan mesra oleh kakitangan yang bertugas.

- a. Berdasarkan situasi tersebut, nyatakan perasaan apabila dapat menerima layanan mesra ketika berurusan di kaunter tersebut dan cadangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh majikan agar kakitangan tersebut dapat mengekalkan amalan integritinya? (8 markah)

b. Pada pendapat anda, mengapakah pekerja perlu melaksanakan tugas dengan penuh integriti? Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang anda pelajari. (12 markah)

9. Gambar di bawah menunjukkan program pertukaran pelajar antara dua negara.



a. Andaikan anda telah terpilih mewakili negara dalam program di atas, huraikan kepentingan program tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. (8 markah)

SULIT

b. Terangkan cabaran yang akan anda hadapi dalam program tersebut. (12 markah)

SULIT

******* KERTAS SOALAN TAMAT *******

Disediakan oleh:

(Cik Teh Guit Nee & Pn.Wong Siew Ling)

Disemak oleh:

(En. Selvarajah Subramaniam)

Disahkan oleh:

(Pn. Goh Ching Yeng)
Guru Kanan Kemanusiaan

SULIT